**Pendaftaran rumah mampu milik dibuka** MS3



**Daftar untuk dapat alat pendengaran percuma** MS 8

**Sumbangan beras - jasa petugas MPPP dihargai** MS 25




PERCUMA

# buletin Mutiara




1– 15, FEBRUARI 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Mansor ketuai perarakan Maulidur Rasul 1434H/2013M

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & MOHD. HAFIZ TAJUDIN**




**GEORGE TOWN –** Sebanyak 59 kontinjen bersama-sama kepemimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berarak mengelilingi Lebuh Pantai sejauh 1.4 kilometer (km) dan berakhir di Padang Kota, di sini sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri 1434H/2013M di sini baru-baru ini.

Sejak jam 7 pagi, peserta mulai berkumpul sebelum acara selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w mula dinasyidkan beramai-ramai bermula jam 8 pagi, diikuti perarakan aman ke Dewan Sri Pinang, di sini.

Perarakan 'Cinta Nabi Muhammad' kendalian Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAINPP) tersebut dikepalai oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othaman dan isteri, Datin Aishah Zainul.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Datuk Mohd. Salleh Man (Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP), Sohibus Samahah Datuk Seri Hj. Hassan Ahmad (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang) antara dif kehormat yang hadir pada majlis tradisi tahunan Kerajaan Negeri tersebut.

Sejurus selesai perarakan, semua peserta berkumpul di Dewan Sri Pinang berdekatan Padang Kota, di sini bagi mendengar amanat kepemimpinan Kerajaan Negeri mengenai slogan sambutan kali ini, iaitu 'Qudwatur Ar-Rasul Membentuk Keperibadian Unggul'.

Mansor dan Abdul Malik berucap pada majlis 'Himpunan Ummah' sebelum upacara perasmian disempurnakan Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Dalam pada itu, Mansor menyeru seluruh kepemimpinan Kerajaan Negeri supaya mempopularkan budaya integriti yang ditunjuk ajar oleh Rasulullah s.a.w, iaitu 'berani menyatakan kebenaran biarpun pahit'.



**SOID @ Shuib Mohd. Amin (tiga dari kanan) menerima anugerah Tokoh Maulidur Rasul Pulau Pinang Tahun 2013M/1434H daripada Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diperhati oleh kepemimpinan utama Kerajaan Negeri dalam Majlis Perhimpunan Ummah di sini baru-baru ini.** *Gambar oleh : **Mohd. Hafiz Tajudin.***

Manakala, Abdul Rahman pula berharap seluruh rakyat tanpa mengira warna kulit dan ideologi kepartian agar bersatu-padu sebagaimana dilakukan Rasulullah s.a.w dalam menyatupadukan Muhajirin dan Ansar semasa mendirikan negara moden Madinah.

"Semoga dengan Himpunan Ummah inipun dapat meningkatkan perpaduan serta penghayatan terhadap usaha Rasulullah s.a.w menyatukan ummah," ujar beliau.

Dalam majlis yang sama pesara, Haji Soid @ Shuib Mohd. Amin, 68, menerima anugerah Tokoh Maulidur Rasul Tahun 2013/1434H daripada Abdul Rahman.

Beliau menerima anugerah atas ketokohannya sebagai bekas Yang Dipertua Angkatan Beliau Islam Malaysia (ABIM)

●*Lihat muka surat 3*

# ZPP sasar bantu basmi miskin tegar

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PENAGA –** Sejumlah 33 rumah dibina membabitkan kos sebanyak RM1,125,173 di bawah projek Bantuan Bina Rumah Asnaf Fakir/Miskin, Zakat Pulau Pinang (ZPP) tahun lalu (2012) di sini.

Berdasarkan jumlah tersebut, purata kos pembinaan untuk seunit rumah adalah berjumlah RM30,000 hingga RM36,000.

Serentak itu, ZPP juga telah mengagihkan RM1,387,582 bagi membaiki 130 buah rumah melalui zakat yang dikumpulkan dari seluruh umat Islam di negeri ini.

Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, penganjuran program seumpama itu bertujuan mendekatkan lagi ZPP dengan para penerima sumber zakat serta masyarakat umumnya.

“Bantuan itu sekaligus menjadi kesinambungan kepada usaha ZPP bagi membantu usaha Kerajaan Negeri membasmi kemiskinan tegar,” katanya ketika merasmikan Majlis Penyerahan Bantuan Bina Rumah Asnaf Fakir/Miskin di Permatang Bongor di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Mohd. Salleh turut menyerahkan replika kunci kepada tiga penerima bantuan bina rumah asnaf, Che Baya Ali dari Permatang Bongor, 67, Saleha Saad (Bakar Bata, 58) dan Yahaya Osman (Kampung Lembah Raja, 48).

Beliau dalam pada itu turut mengumumkan jumlah kutipan zakat tahun lalu iaitu berjumlah RM75 juta berbanding tahun sebelumnya, RM45 juta.

“Peningkatan jumlah tersebut membuktikan peningkatan tahap keyakinan pembayar zakat untuk membuat pembayaran di samping kesedaran tanggungjawab masing-masing,” ujarnya.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir kemudiannya mengumumkan bahawa ZPP menyasarkan sebanyak 40 rumah bakal dibina dan 200 buah lagi akan dibaiki melalui program sama tahun ini.

Turut hadir, Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, Azman Abdul Samat dan Ahli Majlis MAINPP, Rosidi Hussain.



CHE Baya Ali (tiga dari kiri) menerima replika kunci daripada Mohd. Salleh Man (dua dari kiri) sebagai simbolik Majlis Penyerahan Bantuan Bina Rumah Asnaf Fakir/Miskin di sini baru-baru ini.

## Surau untuk penghuni Flat Ampang Jajar

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (JHEIPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menyiapkan cadangan untuk membina sebuah surau di Flat Ampang Jajar, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) di sini dalam tempoh terdekat.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, cadangan pembinaan surau di flat berkenaan adalah bagi memudahkan para penghuni mengerjakan solat secara berjemaah di samping dapat menjadi medium pengerat ukhuwah.

“Saya telah mengarahkan pihak-pihak berkenaan untuk mempercepatkan urusan dan proses pembinaan surau tersebut.

“Malah, saya telah menerima permohonan daripada para penghuni Flat Ampang Jajar pada penghujung tahun 2011 dan kita (Kerajaan Negeri) akan berusaha mempercepatkan proses pembinaan surau berkenaan,” katanya pada sidang akhbar di Komtar di sini baru-baru ini.

Tambah Abdul Malik, beliau mensasarkan untuk mengadakan majlis pecah tanah bagi pembinaan surau berkenaan sekitar Februari ini dan kerja-kerja pembinaan bakal dimulakan sejurus itu.



ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kiri), Lim Hock Seng (kiri sekali) bersama jawatankuasa terlibat menunjukkan pelan surau yang bakal dibina di Flat Ampang Jajar, Butterworth pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi) yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng, wakil dari Bahagian Pembangunan JHEIPP, Pejabat Agama Daerah Butterworth dan Jawatankuasa Surau Ampang Jajar.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **Sam**



# Pendaftaran rumah mampu milik dibuka

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Warga negeri disaran mendaftar bagi memiliki rumah mampu milik berlokasi di bahagian pulau Pulau Pinang bernilai antara RM RM72,500 hingga RM400,000 yang bakal dibangunkan di sini.

Pendaftaran adalah bermula pada 7 Februari ini sehingga tarikh yang bakal diberitahu kelak pada jam 9 pagi hingga 5 petang.

Pendaftaran terbabit dibuka di tiga lokasi berasingan iaitu di Pejabat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Bayan Baru, Komtar, di sini dan Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di PERDA, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT).

Inisiatif tersebut adalah rentetan dua projek mega rumah mampu milik yang akan dibangunkan di Jalan S.P. Chelliah, Sungai Pinang di sini dengan jumlah 1,300 unit dan Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS), 12,000 unit rumah di Batu Kawan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, pemilikan unit rumah tersebut bakal memberi keutamaan kepada anak negeri Pulau Pinang.

"Kriteria utama adalah pemohon adalah merupakan anak negeri Pulau Pinang.

"Dokumen-dokumen yang perlu dibawa adalah bukti pendapatan seperti slip gaji dan borang cukai," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Menurut Rosli, harga unit rumah projek di S.P. Chelliah adalah bermula dari harga minimum RM72,500 hingga RM400,000 mengikut saiz keluasan rumah dari 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi.

"Bagi projek di Batu Kawan, harganya bermula dari RM72,500 hingga RM220,000," jelas beliau sambil menyatakan bahawa pihak pemaju berminat perlu menghantar kertas cadangan (RFP) kepada PDC



ROSLI Jaafar.

sebelum tarikh akhir 18 Februari ini ekoran ingin menyegerakan pembinaan projek-projek berkenaan.

Tambah Rosli, harga RM400,000 hakikatnya adalah harga sama ditetapkan kerajaan persekutuan iaitu antara RM72,500 hingga RM400,000 di kawasan bandar dan RM 72,500 hingga RM220,000 di kawasan luar bandar bagi rumah mampu milik.

"Ketika saya diberikan tugas oleh Ketua Menteri yang juga Pengerusi PDC untuk menjalankan RM500 juta dana




**LAKARAN grafik rumah mampu milik di S.P. Chelliah dan Batu Kawan.**

khas rumah mampu milik, Y.A.B. Lim (Guan Eng) telah mengarahkan saya untuk mengikut julat harga PR1MA Kerajaan Persekutuan kerana bagi beliau, rumah mampu milik merupakan isu yang terlalu penting untuk dipolitikkan.

"Bagi mengelakkan kontroversi politik, saya telah mengikut julat harga ditetapkan kerajaan persekutuan," ujarnya dalam kenyataan media berasingan di sini baru-baru ini.

Bagi keterangan lanjut, sila hubungi pejabat PDC di talian 04 – 634 0111 atau Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 04 – 650 5242 atau 04 – 262 7722.

# "Himpunan Ummah bukti kita sayang Rasul," Soid

● *Dari muka surat depan*

Pulau Pinang, Ketua Persatuan Ulama Pulau Pinang, Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri merangkap Ahli Majlis Syura Pulau Pinang.

Soid berkata, sebenarnya banyak lagi ulamak di Pulau Pinang lebih layak menerima anugerah itu berbanding dirinya.

"Saya pun memang tidak mengharapkan apa-apa. Dulu, pernah juga ditawar sebagai tokoh Maal Hijrah, tetapi saya ingat lebih ramai lagi yang layak terima.

"Apabila pegawai kerajaan datang sendiri di rumah dan minta saya mengisi borang maklumat, saya tak berupaya nak tolak sekali lagi," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut Soid, sepatutnya perarakan Maulidur Rasul dan Himpunan Ummah ini bukti kita sayang Rasul dan mahu semua umat Nabi Muhammad sama-sama kembali mencintai rasul.

"Malaysia, khususnya Pulau Pinang ini, masyarakatnya majmuk macam masyarakat zaman Rasulullah s.a.w. Kalau Rasulullah boleh disegani oleh orang Madinah, termasuk yang bukan Islam, umat Islam di Pulau Pinang ini pun perlu mencari jalan ikut teladan akhlak Nabi supaya kita pun boleh disegani serta simbol keharmonian masyarakat di negeri ini," ujar beliau.

Tiga penerima lain, Abdul Rahman Yob, 61, Mohd. Taufek Abd. Rahman, 53, dan arwah Shaikh Hassan Mohamad Badjenid masing-masing menerima Anugerah Qudwatur Rasul dalam bidang Pendidikan, Kemasyarakatan dan Perniagaan.

Balu Shaikh Hassan, Fatiimah Shaikh Ahmed menerima anugerah itu.

Selain itu, tempat pertama dan kedua kategori badan berkanun sempena perarakan Maulidur Rasul Peringkat




**YAYASAN Amal Malaysia antara 59 kontijen yang menyertai perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri 1434H/2013M di sini baru-baru ini.**

Negeri 1434H/2013M dimenangi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pula juara Kategori Pasukan Seragam Kerajaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang (Kategori Universiti) dan Tenaga Nasional Berhad (Kategori Swasta).

# Kompleks pasar awam baru mudahkan penduduk

Oleh**: WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PAYA TERUBONG -** Kompleks pasar awam di Taman Desa Aman Relau yang baru siap dibina baru-baru ini bakal memberi kemudahan kepada 100,000 penduduk sekitar Sungai Ara, Bukit Jambul dan kawasan-kawasan berdekatan di sini.

Kompleks yang merupakan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh Chong Company Sdn. Bhd. berharga RM5.5 juta (tidak termasuk harga tanah) direka berasaskan konsep hijau seperti siling tinggi bagi membolehkan ia memperoleh pencahayaan semulajadi.

Malah, ia turut menyediakan kemudahan 100 petak lot parkir termasuk untuk golongan orang kurang upaya (OKU), parkir motorsikal (135), tandas, ruang memunggah dan ruang pengudaraan yang baik. Selain itu, ia turut menempatkan 143 gerai jualan pasar basah dan kering serta 37 gerai makanan penjaja makanan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan majlis perasmian kompleks tersebut berterima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif Chong Company Sdn. Bhd., Chan Fock Seng atas inisiatif khas beliau dalam menjalankan projek CSR berkenaan.



**KEADAAN Kompleks Pasar Awam di Taman Desa Aman Relau yang baru siap dibina di sini baru-baru ini.**

"Selain itu, syarikat terbabit juga telah membina 1,000 unit rumah kos sederhana sejak tahun 1999 hingga 2010. Inisiatif tersebut wajar dijadikan contoh kepada pemaju-pemaju lain bahawa jangan hanya memikirkan keuntungan semata-mata," katanya pada Majlis Perasmian Kompleks Pasar Awam di Taman Desa Aman Relau di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Ahli Dewan Undangan Negeri Komtar (ADUN), Ng Wei Aik.

# 500 pelajar terima bantuan pelajaran RM100

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUTTERWORTH -** Hampir 500 pelajar sekolah rendah dan menengah berdaftar di sekitar Parlimen Bagan baru-baru ini menerima sumbangan bantuan pelajaran masing-masing berjumlah RM100 di sini.

Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan sebanyak RM30,000, manakala, baki RM20,000 disumbang badan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Amal Seri Sinar bagi tujuan berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Aaron Cheng (pendiri NGO berkenaan) bersama-sama menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan itu di Dewan Tun Abdullah Ahmad Badawi, Butterworth di sini.

Abdul Rahim Abdul Hamid, 42, selaku waris kepada Ainul Shuhada, pelajar Tahun 2 dari Sekolah Kebangsaan (SK) Mak Mandin ketika ditemui melahirkan rasa gembira atas sumbangan pelajaran itu.

"Sumbangan ini baguslah untuk anak-anak membeli barang-barang sekolah mereka.

"Ini kali pertama (anak) saya dapat sumbangan, banyak membantu. Terima kasih kepada sekolah kerana beri sokongan kepada anak saya," ujar beliau kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



**TAN Suen Lin.**

Nada sama turut diluahkan K. Margerat, 52, nenek kepada R. Devasagayam, pelajar Tahun 2 dari SK St. Mark.

"(Sumbangan pelajaran) ini saya simpan untuk duit cucu (Devasagayam) ke sekolah...boleh guna untuk beli keperluan sekolah," ujar beliau sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng.

Tan Suen Lin, Tingkatan 4 dari Sekolah Menengah (SM) Kampung Kastam pula berkata, sumbangan itu boleh digunakan untuk aktiviti pelajaran luar tingkatan.

"Saya sangat gembira. Saya boleh beli baju baru. Saya boleh guna untuk untuk 'Ko-K' (Ko-kurikulum) dan aktiviti belajar di luar sekolah yang lain," ujarnya.



**SEBAHAGIAN ibu bapa dan pelajar yang hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Pelajaran Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.**

Pun begitu, Guan Eng pada satu kenyataan media selepas majlis rasmi tersebut meluahkan rasa kecewa ekoran lima lagi sekolah di kawasan parlimen diwakilinya dilarang untuk memberi kerjasama dengan sumbangan emas membabitkan Kerajaan Negeri.

"Kira-kira lima sekolah tidak berani menghantar maklumat pelajar, yang lain-lain menghantar nama pelajar itupun sebelum mendapat surat ini dari Kementerian Pelajaran," tegasnya.

Sebelum ini, pihaknya telahpun membuat permohonan rasmi kepada Jabatan Pelajaran Pulau Pinang demi kebajikan pelajar berhubung pelaksanaan program sumbangan berkenaan.

Namun, surat maklum balas daripada Jabatan Pelajaran Pulau Pinang antara lain menyebut, "Dukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Pulau Pinang tidak dapat mempertimbangkan permohonan tersebut kerana setakat ini kebenaran dari pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia belum diperoleh."

Turut berucap, pendiri NGO itu, Aaron Cheng dan A.Tanasekharan (Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam) di depan hampir 700 hadirin. Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang, Kebajikan dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh turut hadir pada majlis itu.

# Lima dilantik kelola Program Orang Tanpa Kerakyatan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan pelantikan lima Pegawai Pembantu Kewarganegaraan bagi setiap daerah di negeri ini di bawah Program Orang Tanpa Kerakyatan di sini.

Lantikan tersebut adalah sebagai pemudahcara dalam mengumpul maklumat dan membantu penduduk yang masih belum memiliki taraf kewarganegaraan di Pulau Pinang.

Daerah Timur Laut adalah diwakili Chiam Heng Hak, Abdul Rahim Mohamed Nor (Daerah Barat Daya), Ketenasamy @ Krishnasamy (Daerah Seberang Perai Utara), A. Arumugam (Daerah Seberang Perai Tengah) dan R. Gunalan (Daerah Seberang Perai Selatan).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Program Orang Tanpa Kerakyatan di Pulau Pinang adalah inisiatif baru Kerajaan Negeri bertujuan untuk mengumpul maklumat dan statistik warga Pulau Pinang yang masih belum mempunyai taraf kewarganegaraan.

"Program ini mencakupi penduduk di Pulau Pinang yang tidak memiliki sijil kelahiran, kad pengenalan ataupun hanya memiliki taraf pemastautin tetap.

"Ia juga membolehkan orang ramai mengemukakan permohonan lengkap bagi pendaftaran lewat sijil kelahiran dan kad pengenalan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.



LIMA Pegawai Pembantu Kewarganegaraan menunjukkan surat pelantikan masing-masing sambil ditemani Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Selain itu, Guan Eng turut menyatakan bahawa pelantikan tersebut menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk membantu mereka yang masih belum memperoleh hak kewarganegaraan sungguhpun dilahirkan di Malaysia atau telah menetap di negara ini puluhan tahun.

Pegawai-pegawai dilantik bukan sahaja akan mengumpul data, membantu warganegara yang mempunyai komplikasi, malah, mereka (pegawai) perlu menyediakan laporan-laporan secara berkala dan mengkoordinasikan dengan semua Pusat-pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Parlimen mengikut daerah masing-masing.

**Maklumat Pegawai Pembantu Kewarganegaraan :**

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat |
|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR |
| 2. | Abdul Rahim bin Mohamed Nor | Barat Daya | Kompleks Pasar Awam MPPP Balik Pulau |
| 3. | Ketenasamy @ Krishnasamy | Seberang Perai Utara | |
| 4. | Subramaniam A/L Arumugam | Seberang Perai Tengah | Bangunan Majlis Perbandaran Sebeang Perai |
| 5. | Gunalan A/L Rengasamy | Seberang Perai Selatan | Dewan Serbaguna Sungai Bakap |

## Negeri tubuh Pertubuhan Dr. Wu Lien-Teh




ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) bersama-sama wakil agensi Kerajaan Negeri dalam Majlis Pelancaran Pertubuhan Dr. Wu Lien-Teh Pulau Pinang dan sesawang wira kelahiran negeri berkenaan di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Pertubuhan Dr. Wu Lien-Teh Pulau Pinang ditubuhkan pada 3 Januari lepas hasil inisiatif *Penang Institute* (PI) dengan sokongan agensi-agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti *investPenang* (iP), *Penang Global Tourism* dan *Penang Medical College* (PMC).

Ketua Eksekutif PI, Zairil Khir Johari berkata, inisiatif tersebut adalah sebagai menghargai keperwiraan Lien-Teh dalam dunia perubatan moden di tanah air ini hatta di Harbin, China pada akhir kurun ke-18 hingga awal kurun ke-19 khususnya dalam mencegah penindasan wabak aneh.

Atas maksud itu, beliau berkata, satu sesawang turut dilancarkan selain penganjuran simposium peringkat global berasingan di Harbin, China dan di sini kelak.

"Beliau (Lien-Teh) bagi saya, adalah seorang wira (kelahiran) tanah air kita (beretnik) Cina pertama yang mendapat ijazah kedoktoran dalam bidang perubatan.

"Untuk memperingati wira (kelahiran) Pulau Pinang ini, satu simposium akan diadakan di China pada tahun ini, dan (pada) tahun depan, akan diadakan persidangan di sini (George Town, Pulau Pinang). Ini adalah persidangan peringkat antarabangsa," ujar beliau pada Majlis Pelancaran Pertubuhan Dr. Wu Lien-Teh Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Wakil ketiga-tiga agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut hadir pada sidang media bersama-sama Zairil.

Tambah Zairil, Simposium Memperingati Dr. Wu Lien-Teh kendalian *Harbin Medical University First Hospital Harbin* dianjurkan di Harbin, Heilongjiang, China selama tiga hari itu bermula pada 18 Januari ini.

Bagi beliau, penubuhan institusi itu mampu mereputasi Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan dalam industri perubatan, khususnya dalam sektor pelancongan perubatan.

# Balu mangsa kemalangan maut terima bantuan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim mengucapkan takziah dan menghulurkan bantuan kewangan kepada keluarga mangsa yang terbunuh dalam kejadian kemalangan membabitkan sebuah bas berhampiran Masjid al-Huda, Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, beliau sebelum ini menyumbangkan bantuan sebanyak RM200 ketika menghadiri pengkebumian jenazah dan RM1,000 lagi bagi pihak Kerajaan Negeri.

"Kepada keluarga arwah, saya harap mereka bersabar.

"Sebagai ADUN, saya sedia beri khidmat nasihat dan membantu mereka (keluarga mangsa) sepanjang penyiasatan kes dijalankan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam kejadian sekitar jam 11.15 pagi pada 17 Januari lalu, mangsa, Mokhtar Mahmud, 45, maut di tempat kejadian apabila bergeseran dengan sebuah bas awam ketika pulang menghantar anaknya ke sekolah.

Lanjutan itu, Abdul Malik mencadangkan supaya Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) memantau dan memperkemaskan jalan tersebut.

"Pelebaran jalan mungkin diperlukan pada masa hadapan memandangkan kapasiti dan kuantititi kenderaan yang melalui Jalan Bayan, Jalan Dato' Ismail Hashim dan Jalan Tengah di sini.

"Inisiatif tersebut adalah untuk kepentingan keselamatan para pengguna di sini," ujarnya.

Sementara itu, isteri mangsa, Muzlina Mohamed Yusof, 45, yang hadir bersama bapa mentuanya, Mahmud Man, 76, dan abang iparnya, Azhar Mahmud, 51, kelihatan sebak ketika menceritakan detik-detik terakhir beliau bersama suaminya.



ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kanan) menyampaikan bantuan kepada Muzlina Mohamed Yusof (tiga dari kiri) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

"Pagi hari kejadian tu macam biasala, dia selalu pun hantar anak pi (pergi) sekolah.

"Hari kejadian tu, lepas hantar anak, dia pi beli barang-barang runcit balik tu yang kemalangan," ujar Muzlina kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Arwah meninggalkan seorang isteri dan lima anak yang berusia dalam lingkungan umur 5 hingga 18 tahun.

# Thaipusam disambut dalam suasana 'Bersih dan Hijau'



KETUA Menteri, Prof. P. Ramasamy (tiga dari kanan) dan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri bergambar kenang-kenangan di salah sebuah panthal.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



KUIL Arulmigu Sri Balathandayuthapani dihiasi cahaya lampu bersempena sambutan Thaipusam baru-baru ini.



KELAPA-kelapa dipecahkan di sepanjang Jalan Utama sebagai simbol kesejahteraan.

**GEORGE TOWN –** Buat julung kalinya, perayaan Thaipusam diraikan di bangunan baru Kuil Arulmigu Sri Bala Thandayuthabani yang merupakan Kuil Dewa Murugan terbesar di luar negara India di sini baru-baru ini.

Kuil Arulmigu Sri Balathandayuthapani merupakan sebuah kuil berkonsepkan seni bina tradisional bercorak *Dravidian*, malahan, mempunyai lebih banyak bilangan anak tangga menuju ke puncak berbanding Kuil Murugan di Batu Caves dengan jumlah keseluruhan 513.

Perayaan disambut meriah bukan sahaja oleh penganut beragama Hindu, malah, turut dihadiri berjuta-juta pengunjung dari serata dunia dengan latar belakang berbeza.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan permintaan untuk cadangan (*request for proposal*, RFP) bagi membangunkan perkhidmatan kereta kabel di Kuil Arulmigu Sri Balathandayuthabani.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah memberikan sokongan penuh dan peruntukkan bagi pembinaan kuil baru sejajar dengan prinsip kami dalam menghormati kebebasan beragama bagi semua masyarakat di Pulau Pinang," ujarnya semasa menghadiri sambutan Thaipusam di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Pembagunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan, Jagdeep Singh Deo (ADUN Datok Keramat) dan S. Raveentharan (ADUN Batu Uban).

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyatakan bahawa sambutan Thaipusam di Pulau Pinang adalah lebih 'Bersih dan Hijau' sejak pemerintahan Kerajaan Negeri PR.

"Setiap tahun, kami menggalakkan penganjur panthal-panthal agar tidak menggunakan pinggan dan cawan jenis polisterina.

"Malah, pada tahun ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan berusaha mengitar semula semua bahan buangan plastik dan bahan organik yang dikumpulkan semasa perayaan ini untuk dijadikan baja organik,'' ujarnya sambil menyatakan bahawa lebih 700 pekerja MPPP ditugaskan untuk tujuan terbabit.

# Pesta Ponggal peringkat negeri disambut meriah

**GEORGE TOWN -** Pesta Ponggal 2013 disambut meriah masyarakat beragama Hindu di negeri ini apabila buat julung kalinya, pesta tradisi tersebut diadakan di ibu pejabat baru Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir bersama-sama para Exco Kerajaan Negeri berkata, sambutan kali ini menandakan satu lagi kebanggaan dalam pembangunan, pengiktirafan, sumbangan dan maruah masyarakat berketurunan India di Pulau Pinang.

"Bangunan pejabat ini (Lembaga Wakaf Hindu) adalah bukti pencapaian Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dalam tempoh lima tahun yang mana berbeza sekali dengan kegagalan 50 tahun sebelumnya.

"Malah, Kerajaan Negeri turut menyalurkan peruntukan tambahan tahunan sebanyak RM1.2 juta kepada Lembaga Wakaf Hindu bagi pembangunan kebajikan masyarakat berketurunan India berbanding tahun lalu, RM1 juta dan hanya RM50,000 di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN)." katanya pada Majlis Sambutan Hari Ponggal Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, barisan Exco dan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri.

Tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri dalam pada itu turut memperuntukkan RM1.75 juta kepada 28 sekolah rendah tamil dan RM100,000 bagi penubuhan tadika-tadika di sini.

"Malah, di bawah PR, Kuil Murugan terbesar di luar India juga telah siap dibina selepas tempoh 10 tahun," ujar beliau.



SAMBUTAN Pesta Ponggal Peringkat Negeri Pulau Pinang diadakan penuh tradisi di ibu pejabat baru Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Kanak-kanak jantung berlubang rayu bantuan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SERI DELIMA –** Seorang kanak-kanak yang menderita penyakit jantung sejak lahir memerlukan bantuan daripada orang ramai bagi membiayai kos pembedahan dipercayai mencecah ratusan ribu ringgit di sini.

Kanak-kanak terbabit, Ahmad Danial Adib, 9, mengidap kecacatan *septal aortic* (ASD) atau lebih dikenali sebagai jantung berlubang sejak lahir.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer yang mengadakan lawatan khas ke kediaman keluarga Ahmad Danial menyampaikan sumbangan peribadi berjumlah RM1,000 bagi meringankan bebanan ditanggung ibu serta bapanya.

"Sumbangan ini sangat kecil dan saya berharap ada pihak yang sudi tampil memberi sumbangan kepada adik Danial (Ahmad Danial).

"Dalam pada itu, saya harap adik Danial (Ahmad Danial) dapat menguatkan semangat untuk terus belajar dan berusaha serta menjadi contoh kepada pelajar-pelajar lain bagi menimba ilmu hingga ke menara gading," katanya di sini baru-baru ini.

Ibu Ahmad Danial, Mazni Othman merupakan seorang suri rumah manakala bapanya merupakan seorang kakitangan Tentera Laut diRaja Malaysia (TLDM).

Keluarga tersebut menetap di Jalan Akuarium, Gelugor di sini.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan dan maklumat lanjut boleh menghubungi Pusat Khidmat ADUN di talian 04 - 659 5611 atau pegawai bertugas, Lingam (012 - 486 2552).



R.S.N Rayer (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan cek kepada Mazni Othman (dua dari kiri) di kediaman mereka sambil disaksikan Ahmad Danial Adib (tiga dari kiri) di Jalan Akuarium di sini baru-baru ini.

## Pembangunan Kg. Sandilands Foreshore selesai masalah lama penduduk



LAU Keng Ee (kiri sekali) ketika mengumumkan pembangunan semula perkampungan *Sandilands Foreshore* kepada para penduduk pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Masalah air tidak mengalir dengan sempurna, pembiakkan nyamuk dan ketiadaan tempat meletak kereta yang sekian lama membelenggu penduduk Kampung Sandilands Foreshore di sini bakal diselesaikan tidak lama lagi apabila perkampungan tersebut bakal dibangunkan semula.

Ungkapan tersebut dikeluarkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee kepada penduduk kampung ketika melakukan lawatan khas ke sini baru-baru ini.

Keng Ee berkata, perkampungan tersebut akan dibangunkan semula melalui proses tender terbuka bermula pada 15 Januari lalu hingga 15 Mac ini.

"Untuk sekian lamanya, tiada apa perubahan yang dibuat di perkampungan ini.

"Masalah yang dihadapi penduduk sini seperti air yang tidak mengalir dengan sempurna, pembiakkan nyamuk dan tempat meletak kereta yang terhad bakal menjadi lebih serius sekiranya ia tidak ditangani dengan segera.

"Jika tidak dibangunkan semula perkampungan ini dalam jangka masa 20 tahun, masalah yang timbul bakal menjadi lebih serius dan teruk," ujarnya pada sesi lawatan khas ke perkampungan *Sandilands Foreshore* di sini baru-baru ini.

Hampir 83 keluarga, orang-perseorangan (13), tokong Cina (5) dan kilang-kilang kecil (13) di perkampungan tersebut bakal ditempatkan semula.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan mengikut polisi iaitu satu rumah bakal digantikan dengan satu rumah sekiranya mempunyai geran dengan maklumat lengkap ekoran projek pembangunan berkenaan," ujar beliau.



BARISAN pemain muda PBAPP FC menggayakan jersi baru pada Majlis Pelancaran Jersi Rasmi Pasukan Bolasepak PBAPP FC di sini baru-baru ini.

# PBAPP FC sasar tempat kedua Liga FAM 2013

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN –** Setelah berjaya menduduki tempat keempat dalam saingan Liga FAM tahun 2012, Pasukan Bolasepak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP FC) yang julung kali berada dalam liga terbabit kini lebih yakin serta komited untuk terus beraksi pada tahun ini.

Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau percaya dan yakin dengan prestasi yang ditunjukkan pemain dan pengurusan pasukan itu akan lebih menyerlah pada saingan Liga FAM 2013 kelak.

Malah, Guan Eng ketika merasmikan pelancaran Jersi Rasmi Pasukan Bolasepak PBAPP FC turut meletakkan sasaran pasukan itu di tempat kedua dalam saingan tahun ini.

"Dengan itu, ia akan meletakkan pasukan PBAPP FC dalam kedudukan selamat bagi meneruskan saingan di Liga Premier 2014.

"Sasaran ini agak realistik dan mampu dicapai jika mengambilkira prestasi semasa pasukan ini," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) turut berharap Pasukan PBAPP FC dapat meningkatkan imej bolasepak Pulau Pinang yang telah sekian lama tenggelam.

PBAPP FC telah ditubuhkan pada tahun 1995 di bawah Kelab Sukan dan Rekreasi PBAPP dan berjaya mara ke Divisyen Satu Liga FAP. Ketika itu, para pemain kebanyakannya dibarisi kakitangan dan beberapa pemain yang diimport daripada kelab-kelab tempatan.

Turut hadir, Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee.

# 1,200 alat pendengaran percuma bakal diagih




POSTER permohonan alat pendengaran percuma hasil anjuran bersama Kerajaan Negeri.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 1,200 alat bantuan pendengaran bakal diagih secara percuma kepada pemohon layak dan golongan kurang berkemampuan bagi mendapatkan peralatan tersebut di sini.

Misi kali kedua selepas anjuran pertama tahun lalu turut bakal dijayakan di bawah anjuran bersama Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Knowles Electronic (M) Sdn. Bhd., Best Hearing Sdn. Bhd. dan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA).

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, Pulau Pinang sekali lagi dipilih oleh *Starkey Hearing Foundation* (Yayasan Pendengaran Starkey) untuk menyumbangkan bantuan pemasangan alat pendengaran secara percuma pada tahun ini.

"Program ini merupakan misi kedua yang diadakan di negeri ini. Kali pertama ia diadakan pada tahun lepas membabitkan 2,638 pemohon daripada pelbagai lapisan peringkat umur.

"Pendaftaran untuk alat bantuan tersebut akan dibuka sebagaimana ketetapan berikut bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang :

- 2 Mac – PDA, No. 35, Lorong Bertam, George Town.
- 9 Mac – Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Bagan Indah, Jalan St. Marks, Butterworth (bersebelahan Klinik Kesihatan Butterworth/Gereja St. Marks).
- 10 Mac – PDA, No. 35, Lorong Bertam, George Town.

"Ukuran acuan telinga akan diambil semasa pendaftaran. Pemohon perlu membawa bersama kad pengenalan atau kad orang kurang upaya (OKU) bagi tujuan pendaftaran," jelas beliau.

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi *shf.malaysia@besthearing.com.my* atau talian 04 -399 6566 / 017 – 482 6358.

## Lima keluarga dapat perhatian ADUN



LAW Heng Kiang (kiri sekali) menyampaikan cek sumbangan kepada P. Yesindar (dua dari kiri) sambil ditemani anak-anaknya pada majlis sumbangan khas di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**JELUTONG –** Sebanyak lima keluarga di sekitar Jalan Perak baru-baru ini menerima bantuan khas daripada Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Lanchang (ADUN), Law Heng Kiang dalam majlis ringkas yang diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Perak di sini.

Antara penerima adalah ibu tunggal kepada seorang kanak-kanak orang kurang upaya (OKU), P. Yesindar yang menerima bantuan bernilai RM2,000.

Selain itu, seorang suri rumah Nabilah Shaik yang menerima bantuan bernilai RM1,000 ekoran suaminya mengidap penyakit kencing manis kronik sehingga tidak dapat bekerja dan terpaksa menanggung seorang anak.

Seorang yatim piatu yang kini di bawah jagaan saudaranya, Lim Wai Kit, 15, menerima RM1,000; Chuah Phaik Suan, yang terpaksa menanggung kedua ibu bapanya yang mengidap penyakit angin ahmar (RM1,000) dan ibu tunggal, Chan Ai Jee, kurang berkemampuan (RM500).

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Heng Kiang.

Katanya, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan pada tahun ini.

"Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah menetapkan garis pendapatan bulanan isi keluarga sebanyak RM770.

"Ini bermakna, mana-mana keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM770 boleh tampil mendapatkan borang di pejabat ADUN berdekatan bagi memohon bantuan," katanya pada majlis penyampaian bantuan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan bahawa sumbangan khas turut ditawarkan kepada pelajar cemerlang dan diterima memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

"Golongan berkaitan boleh mendapatkan khidmat bantuan tersebut di lokasi sama," jelas beliau.

## 20 keluarga terima kunci Halaman Kenanga



SERAMAI 20 keluarga yang menerima replika kunci kediaman masing-masing sebagai simbolik Majlis Penyerahan Kunci Rumah Halaman Kenanga di sini baru-baru ini.

**SUNGAI DUA–** Seramai 20 pemilik rumah di Halaman Kenanga, Sungai Dua mampu tersenyum apabila menerima kunci kediaman masing-masing pada majlis ringkas bertempat di Pasar Super Tanker, Taman Lip Sin di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian tersebut disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dan S. Raveentharan (Batu Uban).

Tze Tzin berkata, penerima-penerima kunci tersebut merupakan sebahagian 30 keluarga yang telah dibayar pampasan oleh pemilik tanah sebelum dipindahkan ke sini.

"Manakala, baki selebihnya adalah yang tidak memohon unit di Halaman Kenanga.

"Dengan itu, saya harap mereka (penerima kunci) dapat menggunakan pampasan yang diberikan sebaik-baiknya dengan membeli dan memohon rumah-rumah kediaman lain," katanya pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Halaman Kenanga di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Abdul Rahim Isahak.

# Negeri rayu Pusat bina SRJK Tamil di Bagan

**BUTTERWORTH -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang merayu kepada kerajaan pusat supaya mendirikan sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan (SRJK) Tamil di Bagan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini berkata, pihaknya pada 7 Januari lepas telah mengutus surat kepada Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk hasrat murni itu.

Malah, beliau berkata, Kerajaan Negeri bersedia untuk mencadangkan tanah sekiranya Muhyiddin yang juga Timbalan Perdana Menteri bersedia untuk meluluskan peruntukan membina sekolah tersebut.

"(Kerajaan pusat) beri kelulusan serta peruntukan, Kerajaan Negeri akan menyediakan (tapak) tanah.

"Pengundi India berjumlah 24 peratus di Bagan Dalam dan Sekolah (Rendah) Tamil terdekat adalah di Mak Mandin," kata beliau selepas mengadakan lawatan ringkas ke sebuah Kuil Hindu di Ujong Batu, di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan A. Thanasegaran (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bagan Dalam) turut berucap pada majlis itu.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut menyerahkan sumbangan peribadi berjumlah RM10,000 kepada keluarga mendiang M. Amal Dass, iaitu seorang 'aktivis berjiwa rakyat' yang meninggal dunia pada 4 Januari lalu.

Balu mendiang, L. Soranum, 61, yang ditemui kemudian melahirkan rasa sebak atas cakna Kerajaan Negeri terhadap jasa suaminya.



LIM Hock Seng (tiga dari kanan) menunjukkan lif yang telah siap dibaiki sambil ditemani beberapa penduduk Pangsapuri Mawar, Bagan di sini baru-baru ini.

# Lif Pangsapuri Mawar dibaiki

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN -** Lif Pangsapuri Mawar tujuh tingkat dekat Bagan yang rosak sejak tiga bulan lepas mendapat perhatian Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan telah mengeluarkan peruntukan pejabatnya bagi memulihara lif tersebut demi rakyat.

"Kita sudah bangkitkan hal ini kepada Ketua Menteri, lalu, beliau bersetuju untuk meluluskan peruntukan bagi membaiki lif di Blok B itu sesegera mungkin.

"Jadi sekarang, lif ini telah dibaiki dengan kos RM14,500 hasil daripada peruntukan Pejabat Ketua Menteri serta Kerajaan Negeri," katanya ketika mengadakan lawatan khas ke Pangsapuri Mawar di sini baru-baru ini.

Pengerusi persatuan penduduk setempat, Lim Kim Sai turut hadir pada sidang media itu.

Menurut Hock Seng, Kerajaan Negeri terpaksa berbuat demikian ekoran persatuan penduduk sekitar terbabit gagal menuntut insurans membaikpulih lif tersebut.



PANGSAPURI Mawar.

Ini kerana, katanya, majoriti penduduk berwajib gagal melunaskan bayaran selenggara bangunan tertunggak.



SIM Tze Tzin (empat dari kanan) mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil penduduk sempena lawatan beliau ke Taman Sri Nibong di sini baru-baru ini.

# Tze Tzin turun padang selasai masalah rakyat

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK -** Projek naiktaraf bahu jalan tidak menyeluruh, longkang tersumbat, projek penurapan jalan, masalah lampu jalan malap, pungutan sampah, pemotongan rumput yang lambat serta penduduk bercucuk tanam di atas bahu jalan merupakan antara permasalahan diutarakan penduduk sempena lawatan teknikal oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak, (ADUN) Sim Tze Tzin ke Taman Sri Nibong di sini baru-baru ini.

Menurut seorang penduduk, Feuchtinger Eva, yang telah hampir 20 tahun menetap di kawasan terbabit menyatakan bahawa secara keseluruhannya, keadaan taman perumahan adalah memuaskan serta selesa.

"Namun, masalah utama di Tingkat Bukit Kecil (tempat tinggal beliau) adalah ia seringkali diserang ancaman denggi ekoran saluran longkang yang kerap-kali tersumbat.

"Justeru, adalah diharapkan pembersihan dapat dilakukan selain inisiatif mewujudkan kesedaran dalam kalangan penduduk setempat," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Perjumpaan yang diadakan di Pusat Persatuan Penduduk diketuai Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Sri Nibong, Hwang Hong Shi tersebut adalah bertujuan mendengar permasalahan penduduk taman kepada Tze Tzin.

Turut serta, wakil Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Dalam pada itu, Tze Tzin menyatakan bahawa beliau menyelesaikan hal-hal berbangkit tersebut pada kadar secepat mungkin.

"Bagi longkang yang didapati tersumbat, kerja pembersihan akan dilakukan.

"Malah, berhubung masalah pungutan sampah, lampu jalan dan rumput, saya akan minta MPPP ambil tindakan sewajarnya," jelas beliau.

# Tiga pelajar cemerlang LCCI dihargai

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Tiga anak jati Pulau Pinang dari Institut Perkembangan Kemahiran Sdn. Bhd. (IPK) berjaya mengharumkan nama negara dan negeri apabila berjaya memperoleh pingat Emas dan Perak dalam peperiksaan *London Chamber Commerce and Industry* (LCCI) di London, United Kingdom baru-baru ini.

Tiga pelajar tersebut adalah Tham Ho Nong, 25, yang memenangi *Country Gold Medallion* dalam Akauntansi (IAS) dan *Country Silver Medalion* dalam *Cost Accounting*. Khaw Yi Yin, 23, pula dianugerahkan *World Gold Medallion* dan *Country Gold Medalliondalam Business Statistics* manakala penerima termuda, Yong How Yen, 21, memenangi *World Gold Medallion* dan *Country Gold Medalliondalam Business Statistics* serta *Country Silver Medalion* dalam *Cost Accounting*.



**(Dari kiri), THAM Ho Hong, Yong How Yen dan Khaw Yi Min menunjukkan sijil penghargaan daripada Kerajaan Negeri yang diterima di sini baru-baru ini.**

Ketiga-tiga pelajar terbabit menerima sijil penghargaan dan token masing-masing bernilai RM200 daripada Kerajaan Negeri.

Majlis penyampaian penghargaan tersebut disempurnakan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang pada majlis sidang media khas di Komtar di sini baru-baru ini.

Kata Choo Kiang, pencapaian berkenaan merupakan pengiktirafan besar terhadap anak jati Pulau Pinang yang berjaya mengharumkan nama negara dan negeri di peringkat global.

"Satu kebanggaan buat kita semua, Kerajaan Negeri dengan ini ingin merakamkan ucapan tahniah kepada mereka bertiga," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Penasihat Pengurusan IPK, Francis Chen, usaha pihaknya memberi tunjuk ajar dalam bidang *soft skill* ternyata berbaloi.

"Tujuan penubuhan IPK adalah bagi membantu pelajar mengembangkan tahap pelajaran mereka dalam *soft skill*.

"Kejayaan ini turut membuktikan bahawa program kami berjaya. Sehingga kini, seramai 60 hingga 80 pelajar berjaya menamatkan pelajaran mereka setiap tahun," jelasnya.


**PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN**

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai RFP seperti berikut :-

TAJUK : **REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TAMAN HERBA PULAU PINANG**

TARIKH DIBUKA : **30 NOVEMBER 2012**

TARIKH DITUTUP : **28 FEBRUARI 2013**

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di **http://www.penang.gov.my/ mulai 30 November 2012.**
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "Pembangunan dan Pengurusan Taman Herba Pulau Pinang". Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup hendaklah dihantar sebelum jam **12.00 tengahari pada 28 Februari 2013** kepada:-

**Sekretariat,**
**Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI),**
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,**
**Tingkat 47, KOMTAR,**
**10503 Pulau Pinang.**

3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.


# Desa Aman dapat O.C.



**WONG Hon Wai (empat dari kanan) menyerahkan O.C. kepada salah seorang wakil pembeli sambil ditemani pembeli-pembeli lain di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Hasil keprihatinan dan inisiatif Kerajaan Negeri, projek rumah pangsa kos sederhana rendah Desa Aman di Jalan Paya Terubong yang terbengkalai sejak tujuh tahun lalu kini telah siap sepenuhnya dan telah memperoleh sijil kelayakan menduduki (O.C.).

Exco Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai berkata, kira-kira 300 pembeli bakal mendapat manfaat apabila projek terbabit memperoleh O.C. baru-baru ini.

"Hasil inisiatif Kerajaan Negeri, pemaju baru, Patsifit Construction Sdn. Bhd. berjaya menyiapkan projek yang terbengkalai sejak 2005.

"Ini bermakna, Kerajaan Negeri telah berjaya memulihkan semula projek rumah pangsa kos sederhana rendah Desa Aman," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir adalah wakil-wakil pembeli.

Baru-baru ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengeluarkan O.C. kepada Patsifit Construction Sdn. Bhd. setelah kerja-kerja penyeliaan dan pemeriksaan tapak dan bangunan selesai dijalankan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan semua Undang-undang Kecil MPPP.

Rumah pangsa kos sederhana rendah Desa Aman terbengkalai sejak pemaju asal mengalami kebankrapan setelah kerja-kerja pembinaan mencapai tahap 60 peratus.

Rumah pangsa berkenaan mempunyai dua buah blok iaitu blok A yang mengandungi 266 unit manakala blok B mempunyai 126 unit di atas tanah berkeluasan 2.4 ekar di Jalan Paya Terubong, di sini.

Dengan siapnya rumah pangsa berkenaan, ia sekaligus menandakan kejayaan Kerajaan Negeri memulihkan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Antara projek perumahan yang berjaya dipulih semula dan siap dibina adalah Taman Cemerlang di Bandar Baru Farlim, Taman Fettes di Mount Erskine, Taman Telok Air Tawar di Seberang Perai Utara, Taman Guar Perahu di Seberang Perai Tengah dan Taman Pekaka Indah di Simpang Ampat.

# Dilema manusia Melayu moden

**KITA** berkumpul pada malam ini untuk menghayati program keempat dalam Festival P Ramlee anjuran *Penang Institute* yang berlangsung selama sebulan.

Festival P Ramlee ini telah diusahakan bukan sahaja demi memperingati dan mendalami karya-karya unggul Seniman Agung negara kita, tetapi juga untuk memperhalusi tema-tema kebudayaan yang tersirat dalam buah kesenian P Ramlee. Justeru, pada malam ini, tajuk yang bakal diwacanakan adalah "Selepas P Ramlee: Apa jadi warisan Melayu?"

**Peralihan dalam kebudayaan Melayu**

Satu peralihan besar telah berlaku dalam gerakan kebudayaan Melayu di negara kita pada sekitar zaman 1970-an dan awal 1980-an, susulan daripada usaha besar-besaran kerajaan untuk merombak struktur sosio-ekonomi negara. Demi matlamat untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi Melayu, maka terpupuklah keterujaan para pemimpin pada ketika itu untuk membentuk masyarakat Melayu yang terdiri daripada pekerja profesional dan pedagang.

Usaha ini dilihat membuahkan hasil apabila sebahagian orang Melayu telah berjaya beranjak memasuki golongan kelas menengah. Maka terzahirlah manusia Melayu moden yang bertali leher, berkereta, dan berpejabat di syarikat-syarikat korporat.

Namun, rancangan yang diuar-uarkan ini ada juga ketimpangannya. Selain menciptakan beberapa kerat manusia Melayu yang maha kaya serta mengabdikan masyarakat Melayu terbanyak melalui kebergantungan

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

kepada "tongkat" kerajaan, dasar ini juga secara tidak langsung telah meminggirkan aspek yang begitu penting kepada susuk masyarakat Melayu – kebudayaannya.

Keinginan yang meluap-luap untuk menghasilkan manusia Melayu moden telah membongkar orientasi pendidikan negara kita.

**BUKIT MERTAJAM –** Sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina tahun ini, buat julung kali, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil inisiatif khas melaksanakan kutipan tambahan sisa-sisa pukal di sini.

Sisa-sisa pukal adalah termasuk perabot lama, perkakas rumah, sampah dari kebun serta sampah-sampah bersaiz besar. Semua sisa-sisa pukal hanya perlu diletakkan di hadapan rumah bagi mengelakkan tong sampah umum melimpah.

Inisiatif itu dilaksanakan sebagai satu penyelesaian berdasarkan pengalaman lalu yang mencatatkan peningkatan jumlah sampah setiap kali menjelang perayaan.

Ahli Majlis MPSP, Steven Sim Chee Keong berkata, kutipan sampah tambahan tersebut akan dilaksanakan di semua kawasan Parlimen bermula 6 hingga 8 Februari ini, bermula jam 8 pagi hingga 5 petang. Sekiranya kerja-kerja pembersihan tidak sempat disiapkan pada tarikh-tarikh dinyatakan, maka pembersihan diteruskan pada keesokannya (9 Februari).

"Adalah dimaklumkan bahawa kutipan sisa-sisa domestik (sampah biasa) adalah mengikut jadual biasa iaitu pada hari Selasa.

"Dalam pada itu, saya juga ingin menasihatkan orang ramai supaya mengenalpasti tarikh-tarikh kutipan biasa dan kutipan tambahan sampah dan mengamalkan sikap kesederhanaan serta menggalakkan tabiat kurangkan sampah dengan amalan budaya kitar semula," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

**JADUAL KUTIPAN SISA PUKAL TAMBAHAN**

| BIL. | PARLIMEN | DUN | TARIKH KUTIPAN | NAMA PEGAWAI & NO.TEL |
|---|---|---|---|---|
| 1 | KEPALA BATAS | PINANG TUNGGAL<br>BERTAM<br>PENAGA | 6/2/2013<br>7/2/2013<br>8/2/2013 | ALIFF ASYRAF ABD. HAMID (012- 489 9758) |
| | *BACKUP* | PINANG TUNGGAL<br>BERTAM<br>PENAGA | 9/2/2013 | MOHD. TAHIR OTHMAN (012 - 4740526) |
| 2 | TASEK<br>GELUGOR | PMTG BERANGAN<br>SUNGAI DUA<br>TELUK AIR TAWAR | 6/2/2013<br>7/2/2013<br>8/2/2013 | MOHD. YUSRAN MOHD. YUNUS (019 – 572 9556)<br>SABRI SIDEK 012 – 474 0535) |
| | *BACKUP* | PMTG BERANGAN<br>SUNGAI DUA<br>TELUK AIR TAWAR | 9/2/2013 | |
| 3 | BAGAN | SUNGAI PUYU<br>BAGAN JERMAL<br>BAGAN DALAM | 6/2/2013<br>7/2/2013<br>8/2/2013 | ABDUL WAHAB JAAFAR (012 – 474 0540)<br>ZAINI ABDUL RASHID (019 – 450 6946) |
| | *BACKUP* | SUNGAI PUYU<br>BAGAN JERMAL<br>BAGAN DALAM | 9/2/2013 | |
| 4 | PMTG PAUH | PMTG PASIR<br>SEBERANG JAYA<br>PENANTI | 6/2/2013<br>7/2/2013<br>8/2/2013 | MOHD NORAZIZUL SHAHABDIN (013 – 304 1331)<br>MOHD. AZHAR BAKAR (012 - 474 0507) |
| | *BACKUP* | PMTG PASIR<br>SEBERANG JAYA<br>PENANTI | 9/2/2013 | |
| 5 | BUKIT MERTAJAM | BERAPIT<br>PADANG LALANG<br>MACHANG BUBOK | 6/2/2013<br>7/2/2013<br>8/2/2013 | NORSHAHADA RAMLI (013 – 264 8642)<br>GHUZAIMI HARUN (017 – 596 2827) |
| | *BACKUP* | BERAPIT<br>PADANG LALANG<br>MACHANG BUBOK | 9/2/2013 | |
| 6 | BATU KAWAN | PERAI<br>BUKIT TENGAH<br>BUKIT TAMBUN | 6/2/2013<br>7/2/2013<br>8/2/2013 | KHIF NOOR MOHD. KHALID (012 – 420 5040)<br>MOHD. AWALLUDIN MOHD. MUSTAFA (012 – 467 7354) |
| | *BACKUP* | PERAI<br>BUKIT TENGAH<br>BUKIT TAMBUN | 9/2/2013 | |
| 7 | NIBONG TEBAL | JAWI<br>SUNGAI BAKAP<br>SUNGAI ACHEH | 6/2/2013<br>7/2/2013<br>8/2/2013 | EBRAMSAH B V.S.S ABDUL (016 – 481 0511)<br>SUNDRAM A/L VENGADESON (019 – 424 7689) |
| | *BACKUP* | JAWI<br>SUNGAI BAKAP<br>SUNGAI ACHEH | 9/2/2013 | |

**LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)**
Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai RFP seperti berikut :

TAJUK : **CADANGAN PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN KERETA KABEL DI KUIL ARULMIGU BALATHANDAYUTHAPANI (HILLTOP) WATERFALL, JALAN KEBUN BUNGA LOT 2837 MUKIM 18, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG, MALAYSIA.**

TARIKH DIBUKA : **15 DISEMBER 2012 (SABTU)**

TARIKH DITUTUP : **15 FEBRUARI 2013 (JUMAAT)**

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di **http://www.penang.gov.my/** dan Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang **http://ep.penang.gov.my/** mulai**15 Disember 2012.**
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "Pembangunan Perkhidmatan Kereta Kabel Di Kuil Hilltop Waterfall, Pulau Pinang". Cadangan lengkap hendaklah dihantar pada atau sebelum jam **12.00 tengahari** pada **15 Februari 2013** kepada:

**Sekretariat,**
**Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang,**
**Tingkat 30, KOMTAR,**
**10503 Pulau Pinang**

3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan dan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi

# Trek berbasikal dalam taman pertama negeri dibuka

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**




**LAW Choo Kiang (depan, dua dari kanan) dan Maimunah Mohd. Sharif (depan, kiri sekali) melepaskan para peserta berbasikal sempena Majlis Perasmian Laluan berbasikal dalam Taman Bandar Ampang Jajar di sini baru-baru ini.**

**PERMATANG PAUH -** Laluan berbasikal dalam Taman Bandar Ampang Jajar, di sini secara rasmi dibuka kepada warga setempat dalam satu keraian anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, taman rekreasi di atas bekas tapak pelupusan sampah itu diharap dapat dimanfaatkan warga Seberang Perai.

"Impian kita semua untuk berekreasi sudah boleh dilakukan di Seberang (Perai), tidak perlu pergi ke pulau (George Town) lagi.

"Saya rasa, hari ini adalah hari permulaan untuk kita memperkenalkan taman ini sebagai destinasi berbasikal pilihan," ujarnya pada Majlis Perasmian Laluan berbasikal dalam Taman Bandar Ampang Jajar di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang menyempurnakan majlis berkenaan.

"Pagi ini, saya rasa kita catat sejarah seperti yang dikatakan oleh YDP (MPSP), dengan perasmian trek berbasikal dalam taman pertama di negeri ini," ujar Choo Kiang.

Setiausaha bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Syed Mikael Rizal Aidid (Ahli Majlis bagi MPSP) turut hadir pada majlis keraian itu.

Majlis perasmian turut diceriakan dengan acara senamrobik dan berbasikal membabitkan kira-kira 100 peserta.

Pada tahun 1988, tapak rekreasi tersebut merupakan tapak pelupusan sampah.

Hasil inisiatif MPSP dengan tajaan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) beberapa pihak, tapak pelupusan sampah tersebut kini berubah wajah menjadi taman rekreasi yang lengkap dengan laluan berbasikal.

# Perkongsian pendapat demi kesaksamaan



LYDIA Ong Kok Foooi (barisan depan, kiri sekali) bersama-sama ahli jawatankuasa dan peserta menunjukkan tanda perjuangan pada Program Suara Wanita Permatang Pauh di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENANTI –** Penyertaan wanita termasuk penyuaraan pendapat dan pengalaman dalam pelbagai isu pembangunan amat penting bagi memastikan kesaksamaan serta kesejahteraan sosial ekonomi sesebuah komuniti, kata Exco Belia & Sukan, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi di sini baru-baru ini.

Jelasnya, Kerajaan Negeri sememangnya prihatin tentang cabaran dihadapi wanita termasuk kekurangan perwakilan di peringkat pengambilan keputusan.

"Justeru, bersempena penganjuran program ini, kita akan sama-sama berkongsi maklumbalas dan isu-isu utama dihadapi kaum wanita khususnya di Permatang Pauh," katanya pada Program Suara Wanita Permatang Pauh: Dialog Isu Wanita Setempat & Cadangan Pelan Tindakan Wanita di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Yayasan Aman, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Pengerusi Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita (KIT & W) Seberang Perai Tengah, Chek Wa Chek Harun dan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Tambahnya, program dialog yang julung kali diadakan tersebut diharap menjadi titik permulaan untuk membawa suara wanita serta mendukung pemerkasaan wanita dengan maklumat, ilmu, kesedaran dan semangat positif.

"Adalah penting supaya suara wanita diambil kira dalam proses membuat keputusan kerana ia mampu mencerminkan realiti sosial komuniti setempat.

"Program-program bantuan seperti skim mikrokredit, skim kerjasama dengan badan kebajikan, perkhidmatan kanak-kanak dan lain-lain program telah dirangka khusus untuk kaum wanita di Pulau Pinang.

"Oleh demikian, saya ingin menyeru kaum wanita untuk mengambil peluang dan menyahut cabaran bagi memastikan usaha murni Kerajaan Negeri tercapai," ucapnya di hadapan kira-kira 250 peserta yang hadir di Dewan Yayasan Aman, di sini baru-baru ini.

Dalam program sama, sebuah Pelan Tindakan Wanita Permatang Pauh telah dicadangkan dan kini giat dirangka bagi membolehkan sebuah pelan bersepadu dilaksanakan khususnya di peringkat Parlimen Permatang Pauh.

## KN, akademi antarabangsa anjur kelas sukan kasut roda




(Dari kanan), LIM Thong Soo dan Oh Chee Kuan menunjukkan kasut roda kepada Lydia Ong Kok Fooi (dua dari kiri) sambil diperhatikan C.C.Yeap pada majlis promosi sukan kasut roda profesional di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama pasaraya *Penang Times Square* mengadakan kelas latihan permainan kasut roda selama dua hari bermula 26 Januari lalu di sini.

Lebih 15 anak muda terpilih berusia 12 tahun dan ke atas menerima latih tubi di bawah kendalian bersama *International Skate Acedemy* (ISA), *Free Style Inline Skate Club, ISA Malaysia* dan Majlis Sukan Malaysia (MSN) Pulau Pinang.

Dua jurulatih profesional, Oh Chee Kuan dan Lim Thong Soon diberi tanggungjawab untuk melatih peserta-peserta terbabit.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, sukan yang dikatakan masih baru di negeri berkenaan itu diharap dapat menyemarakkan kehormonian dalam komuniti belia.

"Kita cuba untuk mewujudkan komuniti yang harmoni. Kita memang senantiasa 'dengar' dan 'dengar' impian belia.

"Inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama sektor swasta menganjurkan CSR (tanggungjawab sosial korporat) ini supaya belia mempunyai ruang untuk meluahkan minat mereka," ujarnya bersempena penganjuran kelas latihan permainan kasut roda di sini baru-baru ini.

Kok Fooi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit berkata, penganjuran itu diharap dapat menyemarakkan minat belia terhadap sukan tersebut.

Pengarah Urusan *Penang Times Square*, C.C.Yeap serta dua pegawai dari MSN Pulau Pinang, Harry Chai Heng Hua dan E. Ravichandran turut hadir pada majlis itu.

## Pameran jelajah pamer karya seni Tan Kay Nguan



LYDIA Ong Kok Fooi (dua dari kanan) memegang hasil karya Tan Kay Nguan (dua dari kiri) pada Majlis Pelancaran Pameran Jelajah Karya Seni Tan Kay Nguan di Galeri Seni Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**JULUNG KALI...** Pameran Jelajah Karya Seni Tan Kay Nguan bertemakan Langit Bumi yang dipamerkan di Galeri Seni Pulau Pinang dari 15 hingga 27 Januari lalu memperoleh sambutan menggalakkan dari masyarakat umum dari dalam dan luar negara.

Kay Nguan adalah seorang artis antarabangsa yang telah mengadakan 48 pameran solo dan lebih daripada 100 pameran bersama di seluruh dunia meliputi Asia, Asia Tenggara, Singapura, Eropah dan Perancis.

Malah, beliau juga telah memenangi anugerah di peringkat antarabangsa antaranya, *International Art Cultural Exchange Award* dan *Top Influential Artist Award*.

Karya-karya beliau dikumpulkan oleh pengumpul seni di seluruh dunia secara meluas. Malah, Kay Nguan yang amat mencintai alam semulajadi telah banyak mengabungkan seni dan kehidupan secara bersama-sama di dalam karya lukisannya.

Pameran berkenaan dirasmikan oleh Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fooi.

# Asas minat, tiada pantang-larang kendali ular - Lan

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

**BERMULA** dengan hobi, kini, Noor Azlan Abdul Latiff, 29, merupakan antara penggiat seni persembahan ular terkemuka di negeri Pulau Pinang.

Dengan jumlah 10 ekor ular termasuk empat yang berbisa, Noor Azlan atau lebih dikenali dengan panggilan, Lan telah menunjukkan kemahiran beliau ‘bermain’ dengan ular di seluruh negeri antaranya membabitkan program-program anjuran peringkat dalaman dan juga antarabangsa.

Ketika kunjungan Buletin Mutiara (BM) ke kediamannya di Kampung Jalan Bharu, Balik Pulau baru-baru ini, seekor ular sawa burma berusia 19 tahun sepanjang 4 meter dengan berat 60 kilogram (kg) dilepaskan bebas di halaman beliau.

Melihat keadaan tersebut, tiada siapa yang berani menghampiri ia terutamanya jurugambar BM bertugas.

Menurut Lan, ular sawa burma jantan terbabit merupakan peliharaan pertamanya sejak 10 tahun lalu. Beliau membelinya dengan harga RM400 selepas habis syif kerja atas pengaruh daripada rakan-rakan, minat dan juga media massa, televisyen.

“Saya membelinya di sebuah kedai di Tanjung Tokong. Ketika itu, saiznya cuma sebesar dan sepanjang kira-kira satu hingga dua jari.

“Apabila tiba di rumah, emak terkejut apabila ternampak saya membawa ular yang diletakkan di dalam sebuah akuarium kecil.

“Walau bagaimanapun, beliau tidak marah, sebaliknya, hanya takut dan berasa pelik tanpa mengetahui bahawa anaknya memiliki hobi sedemikian,’’ katanya sambil tersenyum sinis pada sesi wawancara baru-baru ini.

Sejak itu, bukan sahaja menjadi tempat bermanja, malah, reptilia peliharaan kesayangan berkenaan turut tidur bersama dengan Lan yang kini dikurniakan dua cahaya mata.

Bagi Lan, adalah tidak sukar memelihara reptilia terbabit. Secara purata, setiap ekor ular hanya makan sebanyak dua kali seminggu. Makanan utama adalah seperti ayam, tikus putih, *hamster* dan puyuh.

Selain itu, aspek yang ditekankan adalah kebersihan pada sangkar atau bekas ular peliharaan.

“Sangkar atau bekas perlu dicuci selalu. Malah, ular juga perlu selalu dimandikan terutamanya selepas makan bagi mengelakkan bau busuk,’’ jelasnya yang hanya menjadikan bidang tersebut sebagai ‘kerjaya’ separuh masa.

Menceritakan pengalamannya, Lan yang bekhidmat sepenuh masa sebagai pemandu bas ekspres kini menyatakan bahawa beliau pernah dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) selama seminggu dan dua minggu selanjutnya di wad biasa untuk tujuan pemantauan ekoran terkena bisa patukan ular senduk, *king cobra*.

“*King cobra* terbabit merupakan ular berbisa pertama dimiliki saya. Ketika cuba belajar mengawalnya, tanpa semena-mena terkena patukan berbisa ia. Ketika terkena patukan, saya berasa sakit dan panas-panas,’’ kata Lan sambil menyatakan bahawa tempoh masa dua hingga tiga bulan adalah diperlukan untuk ‘menjinakkan’ seekor ular baru.

Uniknya, Lan menyatakan bahawa beliau tidak mengamalkan sebarang pantang-larang atau bacaan ayat-ayat al-Quran dalam ‘mengendalikan’ ular-ular peliharaannya untuk tujuan persembahan.

“Semuanya adalah melalui teknik dan kemahiran.

“Apa yang perlu difokuskan adalah ketika seekor ular itu ingin menyerang. Malah, banyak teknik saya belajar dari sumber-sumber lain khususnya rakan-rakan dan orang-orang lama dalam bidang ini,’’ jelas beliau.

Bagi perancangan masa depan, Lan yang dibantu adiknya, Noor Hisham, 22, berhasrat membiak baka-baka ular peliharaannya untuk dipasarkan.

“Kami pernah cuba, namun, tak jadi. Selain itu, adalah menjadi perancangan kami untuk mewujudkan studio bergambar dengan ular di salah sebuah destinasi pelancongan terkemuka di sini,’’ ujar Lan.

Bagi Lan, fokus utama beliau adalah bukan ingin mengaut keuntungan melalui persembahan ular peliharaannya, sebaliknya, ia adalah lebih kepada hobi bagi mengisi masa lapang yang dikongsi bersama-sama adik-beradiknya.





SALAH satu teknik merbahaya yang dipersembahkan.



NOOR Azlan Abdul Latiff atau Lan.



ULAR sawa burma berusia 19 tahun yang merupakan ular peliharaan pertama Lan.



LAN menunjukkan teknik mencium ular senduk peliharaannya sambil diperhatikan Noor Hisham (kiri sekali).

**INFO :**
**Lan : 012 – 475 0071**
**FB:** ***lanzcobra***

# Satu daerah satu sekolah OKU jadi misi Dr. Tiun

**BELIAU** bagaikan wira di mata orang kurang upaya (OKU) di Pulau Pinang.

Beliau lahir dalam keluarga serba sederhana sehingga terpaksa dibesarkan di Rumah Kebajikan Kemumin, Pengkalan Chepa Kelantan.

Lelaki berusia 57 tahun itu kini sudah boleh tersenyum kerana mempunyai empat anak yang berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Isteri yang masih bekerja sebagai Penolong Pegawai Pemasaran di Telekom Melaysia Berhad adalah sumber kekuatan beliau untuk terus mengangkat martabat OKU di negara ini.

Kini, Dr. Tiun Ling Ta mempunyai kehidupan yang lengkap sungguhpun mengakui bahawa kakinya cacat dan terpaksa disokong dengan kaliper untuk pergerakan ke mana-mana saja.

Dalam wawancara dengan wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini, katanya, beliau tidak pernah berasa anugerah Tuhan itu sesuatu kekurangan dalam hidupnya.

Yang penting, baginya, OKU seharusnya menikmati pendidikan yang sama dengan pelajar-pelajar normal lain kerana hanya melalui pendidikan sahaja boleh mengubah hidup seseorang.

Ling Ta sekarang adalah seorang Profesor Madya di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysa (USM).

Sungguhpun bergelar sebagai ahli akademik, beliau dikenali aktif dalam beberapa badan bukan kerajaan (NGO).

Komitmennya itu melayakkan beliau menyandang kerusi Presiden Majlis Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Malaysia dan Persatuan Sukan dan Rekreasi (OKU) Pulau Pinang.

Sejak tahun 2005 hingga 2010, beliau merupakan Presiden Persatuan Orang Cacat Malaysia.

Sepanjang memperjuangkan impian OKU di tanah air ini, maka, tidak hairanlah sekiranya beliau pernah mendapat beberapa pengiktirafan.

Beliau pernah diiktiraf sebagai tokoh OKU peringkat kebangsaan pada tahun 2005, selepas dinobatkan sebagai tokoh OKU Pulau Pinang setahun sebelum itu.

Pada tahun 2011, beliau diiktiraf sebagai pemimpin sukan OKU oleh Jabatan Belia dan Sukan, Pulau Pinang.

Pengalaman dan komitmen yang ditunjukkan melayakkan Ling Ta dipilih sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mewakili NGO.

Di dewan mesyuarat MPSP, Ling Ta senantiasa mencuri perhatian khalayak kerana konsisten bercakap mengenai kewajipan bangunan awam menyediakan kemudahan akses untuk OKU.

**SEKOLAH UNTUK OKU**

Sungguhpun UBBL 34A (1991) diwartakan di Pulau Pinang sejak 11 November 1993, beliau berkata, garis panduan yang memperuntukkan semua bangunan awam wajib menyediakan kemudahan mengakses untuk OKU seakan diabaikan.

Justeru, beliau senantiasa memastikan MPSP cakna dengan hak-hak OKU di Seberang Perai, termasuk peluang menikmati pendidikan terbaik supaya golongan tersebut boleh mengubah hidup mereka kelak.

Beliau berkata, kebanyakan prasarana sekolah rendah dan menengah yang dibina di negeri berkenaan langsung tidak mesra OKU.

Akibatnya, pelajar OKU tercicir sekiranya tiada kemudahan yang sesuai di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Beliau berkata, kita selalu kata pendidikan untuk semua, tetapi, tidak semua boleh menikmati pendidikan.

"Kecuali sebuah sekolah di Bukit Jambul yang menyediakan kemudahan lif, tidak ada satu sekolah pun menyediakan kemudahan untuk seorang OKU yang berkerusi roda umpamanya.

"Tiada tandas khas pun untuk pelajar yang berkerusi roda. Jika pelajar OKU yang menggunakan tongkat, tiada lif untuk mereka jika kelas mereka di tingkat atas.

"Jangan hairan jika kebanyakan OKU akhirnya menjadi peminta sedekah jika mereka langsung tidak mempunyai peluang menikmati alam persekolahan terbaik yang sepatutnya disediakan oleh Kementerian Pelajaran," ujar semasa diwawancara di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, Bukit Mertajam baru-baru ini.

Melihat pada realiti pelajar OKU di Pulau Pinang, beliau acap kali mendesak pihak berwajib supaya mendirikan sekurang-kurangnya satu sekolah menengah dan satu sekolah rendah di kesemua lima daerah di negeri berkenaan.

"Masalah yang kita hadapi dengan Pejabat Pelajaran Daerah sekarang antaranya, apabila dibangkitkan semua ini, mereka akan kata kita sediakan pendidikan khas.

"Tetapi masalahnya, mereka yang layak mendapatkan pendidikan khas adalah mereka yang bermasalah pembelajaran (ID) dan mereka yang pekak bisu.

"Bagi mereka yang cacat anggota seperti saya, mereka tidak boleh diterima ke sekolah pendidikan khas.

"Sehingga kini kalau ditanya kepada jabatan atau sekolah-sekolah, mereka tidak berupaya untuk memberikan data pelajar-pelajar yang cacat anggota fizikal ini secara tepat.

"Mereka yang cacat fizikal biasanya ke sekolah normal sebab mereka mempunyai IQ yang sama dengan pelajar-pelajar normal. Tetapi, prasarana sekolah normal tidak mesra OKU," ujar beliau lagi.

Menurut Ling Ta, lebih 80 peratus golongan OKU fizikal dikenalpasti tercicir dari menikmati alam persekolahan di Pulau Pinang dan di negeri-negeri utara Semenanjung.

Bagi beliau, kecacatan sebenar tidak pernah wujud dalam diri seseorang, tetapi ianya terjadi disebabkan sekumpulan manusia cuba menjadikan dunia ini sesuai dengan cara hidup dan kepentingan mereka sahaja.

Beliau menegaskan bahawa, dalam dunia ini, ada hanya dua golongan sahaja.

"Pertama, OKU dan kedua orang yang masih lagi belum menjadi OKU," ujar beliau.

**HARAPAN**

Kata Ling Ta, beliau bersyukur kerana perjuangannya menuntut hak OKU senantiasa disokong oleh Ahli-Ahli Majlis lain dalam siri-siri mesyuarat penuh MPSP.

"UBBL 34A ini kembali diambil perhatian dalam mesyuarat-mesyuarat majlis. Tetapi, pelaksanaannya masih belum memuaskan jika ditinjau pada bangunan-bangunan awam yang ada di negeri ini.

"Macam saya katakan, suatu hari nanti mereka juga mungkin akan menjadi OKU juga, sebab itu perjuangan hak OKU adalah untuk semua bukan hanya untuk golongan OKU," ujar beliau.




DR. TIUN Ling Ta menunjukkan pelan laluan khas OKU (tanjakan) yang sepatutnya dibina di semua bangunan awam, termasuk sekolah.

# Pemaju wajib sedia kawasan lapang aktiviti rekreasi

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BUKIT MERTAJAM -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun ini (2013) memperuntukkan kira-kira RM3.3 juta untuk kerja-kerja landskap dan rekreasi termasuk menyelenggara kemudahan-kemudahan padang permainan serta projek-projek pengindahan di sini.

Ahli Majlis MPSP, Steven Sim Chee Keong berkata, perkara tersebut adalah bagi memastikan penduduk Seberang Perai mempunyai tempat rekreasi yang baik.

"Malah, sejak tahun 2012, MPSP juga telah mewajibkan para pemaju supaya menyediakan 70 peratus daripada keseluruhan kawasan lapang di satu tempat sama.

"Walaupun pemaju diwajibkan menyediakan 10 peratus kawasan dimajukan sebagai lokasi lapang untuk kemudahan rekreasi, terdapat sesetengah yang tidak mematuhi arahan terbabit.

"Jesteru, kini ia menjadi kewajipan para pemaju supaya 70 peratus daripada kawasan lapang tersebut perlu tertumpu di tempat sama bagi membolehkan kemudahan rekreasi lebih besar disediakan selaras dengan dasar 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan sumbangan 10 kerusi taman baru kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Komuniti (JKKK) Taman Impian di sini baru-baru ini.

Chee Keong berharap dengan sumbangan tersebut, orang awam terutamanya warga emas kini bakal mempunyai tempat untuk duduk apabila mereka penat menjalankan aktiviti bersenam.

"Kerusi-kerusi di taman ini dibeli melalui peruntukkan saya sebagai ahli majlis.

"Diharap penduduk di sini dapat menggunakan kemudahan rekreasi diberikan dengan sebaik-baiknya," ujar beliau.



**STEVEN Sim Chee Keong (kanan sekali) berjabat tangan dengan salah seorang wakil penduduk selepas selesai upacara penyerahan 10 kerusi taman baru kepada JKKK Taman Impian di sini baru-baru ini.**

# MPPP serius basmi masalah gagak

**GEORGE TOWN –** Sejumlah RM18,000 diperuntukan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada tahun ini bagi menangani masalah gagak yang dilihat kian menjadi ancaman kepada penduduk di sini.



**PEMBUANGAN sisa makanan mampu menarik 'kedatangan' burung gagak.**

Ahli Majlis, Ong Ah Teong berkata, MPPP akan berusaha keras membasmi masalah tersebut bagi mengurangkan populasi gagak di sini.

"Kita (MPPP) akan bekerja keras ke arah mengurangkan populasi gagak dari kira-kira 20,000 kepada 15,000 ekor tahun ini, malah, MPPP telah memperuntukkan sejumlah RM18,000 untuk tujuan terbabit.

"Walaupun negara-negara moden seperti Hong Kong dan Jepun dilihat gagal untuk membasmi haiwan perosak seperti tikus dan gagak, tetapi, kita di MPPP memandang serius masalah ini dan akan berusaha menanganinya," ujarnya selepas Majlis Mesyuarat Biasa MPPP di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ah Teong turut menasihatkan para pengusaha premis makanan terutamanya supaya memastikan premis masing-masing sentiasa berada dalam keadaan bersih.

"Diharap pengusaha kedai makanan dapat mengutamakan kebersihan premis masing-masing. Jangan sesekali dan sewenang-wenangnya memberi atau membuang sisa makanan bagi menarik 'kedatangan' burung gagak," tegasnya.

Beliau memberitahu, pihak Majlis sebelum ini juga telah menjalankan beberapa kaedah *'multipronged'* bagi membasmi masalah ancaman gagak.

"Antaranya menembak, pemerangkapan dan memasang perangkap burung.

"Hasilnya, sebanyak 20,276 ekor burung gagak berjaya dimusnahkan MPPP pada tahun lalu (2012)," ujar Ah Teong.

# Kalender Acara MPPP 2013 isi 27 program

**GEORGE TOWN –** Peranan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) bukan sahaja meliputi aspek-aspek penyediaan kemudahan asas kepada rakyat, malah, turut mengelola kepelbagaian acara menjurus kepada perhubungan erat antara masyarakat serta kerajaan di samping menggalakkan gaya hidup sihat.

Kenyataan tersebut dinyatakan Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail pada Majlis Pelancaran Kalender Acara MPPP 2013 di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.

Katanya, pada tahun ini (2013), MPPP melalui Jabatan Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa menyediakan 27 program bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

"27 program tersebut adalah meliputi aspek komuniti, rekreasi, sukan dan kebudayaan. Selain itu, MPPP turut mengadakan kesinambungan kepada program 'Hari Tanpa Kereta' serta program-program 'Pulau Pinang Bersih dan Hijau' sepanjang tahun ini.

"Adalah diharapkan program-program ini bakal memberi impak kepada rakyat bahagian pulau dengan menggalakkan gaya hidup sihat serta kelestarian bandar yang bersih dan selamat," ujarnya ketika Majlis Pelancaran Kalender Acara MPPP 2013 di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini.

MPPP mula melancarkan 'Kalender Acara MPPP' pada tahun lalu (2012) dengan memuatkan sebanyak 35 acara meliputi sukan/rekreasi dan program komuniti.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye.

Tambah Patahiyah, penganjuran tersebut dilihat dapat mengembalikan semula sinar Pulau Mutiara sebagai satu destinasi pelancongan utama di dunia dengan mempromosikan aktiviti serta program bertaraf antarabangsa.

"Sudah pastinya acara-acara yang dirancang ini tidak akan berjaya dilaksanakan tanpa sokongan pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan.

"Dengan sokongan badan-badan inilah, MPPP dapat menjalankan fungsi komuniti dengan lebih berkesan," ujar beliau.




**PATAHIYAH Ismail (dua dari kanan) bersama Ang Aing Thye (dua dari kiri) menunjukkan replika Kalender Acara MPPP 2013 sebagai simbolik majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

# Tubuh tribunal siasatan bukti MPSP amal integriti

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



MAIMUNAH Mohd. Sharif.

**BUKIT MERTAJAM -** Satu tribunal siasatan dalaman dalam Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ditubuhkan baru-baru ini bagi menyiasat seorang pegawai dari Jabatan Direktorat Penguatkuasaan yang didakwa menerima rasuah daripada pihak tertentu.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, beliau sendiri tidak boleh menentukan sama ada suspek bersalah atau sebaliknya sehinggalah proses siasatan selesai.

Justeru, beliau meminta semua pihak, termasuk pengadu serta pihak media supaya memberi masa yang wajar untuk MPSP melaksanakan budaya integriti dalam majlis sebagaimana digariskan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Kita masih dalam siasatan dan tidak boleh mengambil tindakan terburu-buru sehingga siasatan selesai.

"Pegawai daripada (Jabatan) Direktorat Penguatkuasaan, saya tidak mengatakan ia salah atau tidak, itu perlu tunggu keputusan siasatan," ujar beliau di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Nada yang sama turut disuarakan oleh Setiausaha bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamad dalam sidang media sejurus selesai Mesyuarat Penuh Majlis di sini baru-baru ini.

Menurut Maimunah, proses siasatan tertutup itu mengambil masa sekitar 30 hari.

"Proses biasa, jika ada bukti, kita (MPSP) akan bawa kepada SPRM, jika dibawa ke media bukti-bukti itu, kita perlu bawa bukti lain kepada SPRM," ujar beliau.

Jelasnya, semua pihak boleh membantu menyemarak budaya integriti dalam MPSP dengan menunggu proses siasatan dalaman kes tersebut.

Terdahulu, seorang pegawai didakwa menerima rasuah semasa dalam tugas menguatkuasa hasil aduan langsung seorang warga Seberang Perai.

Sebelum pada itu, Mesyuarat Penuh majlis antara lain menumpu pada kelangsungan polisi hijau seperti penggunaan polisterina dalam membungkus barang-barang elektrik.

"Walaupun polisterina ini jauh daripada makanan, tetapi ia masih digunakan dalam kotak-kotak barang elektrik.

"Itu, sebagai reaksi pada aduan pengguna mengenai polisi hijau yang kita laksanakan sebelum ini," ujar Maimunah.

Dalam perkembangan lain, seramai 77 pemenang cabutan bertuah dalam kalangan pembayar cukai taksiran bagi tahun 2013 turut diumumkan pada mesyuarat itu sebagaimana tertera di sesawang *MPSP, http://www3.mpsp.gov.my*. (Senarai Pemenang Cabutan Bertuah).

Dari 77 pemenang bertuah keseluruhannya, 44 pemenang adalah dari Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara (16) dan Seberang Perai Selatan (12). Empat pemilik premis komersial turut diumum sebagai pemenang bertuah manakala baki selebihnya adalah pemilik rumah.

## Sumbangan beras sebagai tanda penghargaan



DAUD Othman (bertopi) bersama rakan-rakan menunjukkan kampit beras yang diterima pada Majlis Sumbangan Beras kepada Pekerja Am MPPP di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Sebagai tanda penghargaan kepada 710 Pekerja Am Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit mengambil inisiatif khas menyumbangkan beras masing-masing seberat lima kilogram kepada kumpulan petugas berkenaan.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, sumbangan 710 kampit beras tersebut merupakan kali kedua dianjurkan selepas tahun lalu.

"Ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua pekerja perbandaran yang bekerja keras dalam melakukan tugasan seharian mereka.

"Malah, juga sebagai tanda terima kasih para ahli majlis kepada pekerja-pekerja perbandaran yang selama ini bertungkus-lumus memastikan kebersihan Pulau Pinang terjaga dengan baik.

"Dana terkumpul dalam menjayakan program sumbangan ini adalah berjumlah RM8,875 yang digunakan sepenuhnya untuk membeli beras,'' katanya pada Majlis Sumbangan Beras kepada Pekerja Am MPPP di sini baru-baru ini.

Salah seorang penerima, Daud Othman, 34, yang sudah tiga tahun berkhidmat menyatakan kegembiraan dan rasa syukur ekoran pemberian tersebut.

"Sudah tentulah gembira kerana ianya diteruskan lagi tahun ini. Ini bermakna, MPPP menghargai penat-lelah kami," ujar ayah kepada dua cahaya mata kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi Razlan Mathar, 42, yang telah 12 tahun berkhidmat menyatakan bahawa sepanjang tempoh perkidmatannya, beliau belum pernah menerima sebarang pemberian sebegini (selain tahun lalu dan kini).

"Penghargaan sebegini bakal menaikkan semangat kami untuk bekerja bagi memastikan kebersihan Pulau Pinang terus terjaga," ujarnya.



CONTOH kenderaan pembersihan jalan baru yang ditambah dalam pengoperasian pembersihan MPPP di sini baru-baru ini.



PARA kakitangan MPPP menggunakan kenderaan pembersihan longkang baru untuk membersihkan saluran dalaman longkang.

## Lima unit kenderaan logistik baru mantap kerja pembersihan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Bagi melicin dan memantapkan kerja-kerja pembersihan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sekitar sini, sebanyak lima kenderaan logistik baru ditambah dalam pengoperasian pihak berkuasa tempatan terbabit.

Tambahan terbabit adalah membabitkan dua unit kenderaan pembersihan jalan (mini), kenderaan pembersihan jalan saiz biasa (1), kenderaan pembersihan longkang (1) serta jalan dan kenderaan pengangkat *(multi lift)* (1).

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPPP, Mubarak Junus berkata, jentera pembersihan jalan yang besar bakal digunakan untuk membersihkan 'jalan protokol' iaitu laluan utama yang sering digunakan.

"Contohnya, Jalan Sultan Azlan Shah (dari Recsam ke pekan Bayan Lepas) dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (dari *Weld Quay* ke Batu Maung).

"Bagi kenderaan pembersihan mini, penggunaannya adalah tertumpu kepada pembersihan jalan yang sempit dan sibuk," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mubarak turut menyatakan bahawa kenderaan pengangkat bakal digunakan untuk capaian tempat tinggi seperti kerja-kerja pemotongan pokok.

"Kenderaan pembersihan longkang pula dapat memudahkan pembersihan saluran longkang yang rumit serta sempit sekaligus mengelakkan ianya tersumbat sehingga mengakibatkan kejadian banjir kilat,"' ujarnya.

Beliau memberitahu, mengikut statistik pada tahun 2012 dan 2013, sebanyak 19 unit kenderaan pelbagai guna telah dibeli MPPP membabitkan kos RM7,252,584 bagi kerja-kerja pembersihan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi



PARA peserta cilik berlumba-lumba mengutip gula-gula bagi meraih gelaran juara kutipan gula-gula terbanyak bersempena penganjuran Sukan Rakyat peringkat KADUN Bertam di sini baru-baru ini.

## Sukan rakyat imbau permainan tradisional

**BERTAM –** Lebih 100 peserta mengambil bahagian dalam penganjuran Sukan Rakyat peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam di sini baru-baru ini.

Program julung kali diadakan itu adalah anjuran bersama Pejabat Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bertam dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU).

PPK Bertam, Asrol Sani Abd. Razak berkata, program itu disertai komuniti cilik dari beberapa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) KADUN Bertam.

"Penganjuran sukan rakyat bukan sahaja untuk pastikan sukan-sukan rakyat tak pupus dek masa, tetapi juga untuk mengimbau kembali permainan-permainan tradisional yang ada di Malaysia.

"Malah, melalui aktiviti kemasyarakatan sebegini, ia dapat memupuk perpaduan dalam kalangan peserta yang terlibat," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran yang diadakan di perkarangan padang Taman Abdullah Fahim di sini, pelbagai acara dipertandingkan antaranya, lari bawa bola pingpong dalam sudu, konda-kondi, kutip gula-gula dan tiup belon.

Tambahnya, program tersebut juga adalah sebagai usaha merakyatkan sukan rakyat dalam kalangan golongan muda kerana golongan terbabit memainkan peranan penting dalam pembangunan negara pada masa hadapan.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, mantan Pegawai Daerah SPU, Jusni Ismail dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Johari Kassim.

# Pesta Ponggal Taman Buah Pala dirai penuh tradisi

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SERI DELIMA –** Kira-kira 200 penduduk di sini berkumpul untuk bersama meraikan sambutan Hari Ponggal yang julung kali diadakan di Taman Buah Pala di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, iaitu pada tahun 2008, sambutan perayaan tersebut diadakan di Kampung Buah Pala di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer berkata, perayaan tersebut disambut sebagai simbol kesyukuran masyarakat berketurunan India dengan harapan supaya tahun-tahun mendatang bakal dilimpahkan dengan rezeki berlipat ganda.

"Pada perayaan Ponggal ini, masyarakat India akan ke kuil untuk sembahyang dan melaksanakan upacara memasak Ponggal (campuran beras dan susu lembu) bagi meraikan Dewa Matahari.

"Kemudian, perayaan diteruskan dengan pelbagai acara kebudayaan seperti yang kita lakukan di sini iaitu pertandingan memecah pasu Ponggal, melukis kolam, acara tarik tali, *kolaattam, urumi* dan bermacam-macam lagi," katanya di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Rayer turut serta memasak ponggal bersama-sama penganut agama Hindu yang hadir.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh, ADUN Komtar, Ng Wei Aik dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Lengkok Bawah, Gelugor.




ANTARA penari-penari cilik yang turut serta memasak Ponggal pada Pesta Ponggal Taman Buah Pala di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rayer turut menegaskan bahawa isu Kampung Buah Pala yang dahulunya digembar-gemburkan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab, kini masih kekal di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat.

"Kerajaan Negeri yang ada kinilah yang berusaha mengekalkan kawasan ini (kini dikenali sebagai Taman Buah Pala)", tegas beliau.



R.S.N Rayer bersama isteri ketika merasmikan Pesta Ponggal Taman Buah Pala.



SIM Tze Tzin (dua dari kiri) menuangkan susu ke dalam periuk tanah sebagai simbolik penganjuran Pesta Ponggal Pusat Khidmat Kawasan ADUN Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

## Tze Tzin turut sama meriahkan Pesta Ponggal

**MERAIKAN...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin turut tidak ketinggalan bersama-sama penganut agama Hindu meraikan Pesta Ponggal di Kuil Sivan di Bayan Baru baru-baru ini.

Pesta Ponggal anjuran Pusat Khidmat Kawasan ADUN Pantai Jerejak berkenaan memperoleh sambutan menggalakkan terutama daripada penduduk setempat.

Menurut Tze Tzin, keunikan Malaysia adalah rakyat di negara ini meraikan secara bersama-sama perayaan kaum lain sebagai tanda penyatuan jiwa dan keunikan masyarakat berbilang bangsa, agama serta kepercayaan.

Pesta Ponggal yang diraikan pada pertengahan bulan Januari setiap tahun atau Thai Maasam, iaitu bersempena musim menuai disambut secara besar-besaran sejak turun-temurun bersendikan kebudayaan masyarakat Hindu.

# *Taichi* untuk gaya hidup sihat



MOHD. Tuah Ismail (kiri) menyampaikan sumbangan kemeja-t kepada salah seorang ahli Persatuan *Taichi* Balik Pulau pada Majlis Ramah-mesra di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG –** Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melahirkan generasi yang sihat, Persatuan *Taichi* Balik Pulau baru-baru ini menganjurkan Majlis Ramah Mesra di Sekolah Rendah Kebangsaan (C) Chong Teik di sini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, beliau amat berbesar hati apabila dijemput oleh persatuan berkenaan dalam sesi beramah-mesra di sini.

"Inilah peluang untuk menguar-uarkan kepada umum berhubung kepentingan senaman dan gaya hidup sihat khususnya kepada warga desa di Pulau Betong ini.

"*Taichi* merupakan senaman santai yang bukan sahaja boleh diamalkan oleh generasi muda, malah, golongan warga emas juga mampu melakukan gerak gaya perlahan dan mudah di samping membantu sistem penafasan badan," ujarnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Mohd. Taufik Sulong.

Tambahnya, Persatuan *Taichi* Balik Pulau terbabit mengamalkan *Taichi* 18 gaya yang bukan sahaja untuk kesihatan badan, malah, juga boleh digunakan sebagai salah satu daripada gerakan pertahanan diri.

"Jika dilakukan dengan betul, ia boleh menghasilkan tenaga '*chi*' yang sangat kuat.

"Tenaga inilah yang dapat memperbaiki '*mood*' harian, mengurangkan kemurungan, keletihan dan menjadikan badan lebih segar serta sihat secara menyeluruh," tambahnya.

Persatuan *Taichi* Balik Pulau yang dipimpin oleh Toh Buh Teih telah ditubuhkan pada tahun 1987 dan kini mempunyai keahlian melebihi 100 orang dari pelbagai lapisan usia serta latar belakang.

## Tatacara pengurusan jenazah untuk golongan muda



MODERATOR menunjukkan kedudukan dan tatacara pengurusan jenazah kepada peserta Kursus Pengurusan Jenazah Surau Kampung Lembah Raja di sini baru-baru ini.

**FARDHU...** Sebagai pendedahan kepada golongan muda berhubung tatacara pengurusan jenazah, Pejabat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal bersama Jawatankuasa Surau Kampung Lembah Raja di sini telah mengambil inisiatif menganjurkan program sedemikian baru-baru ini.

Kira-kira 30 individu hadir dalam kursus yang mendedahkan perkara-perkara asas pengurusan jenazah, cara-cara memandikan mayat, mengkafankan dan solat jenazah.

Menurut PPKnya, Muhasdey Muhamad, golongan muda kini hanya mempelajari fardhu kifayah di sekolah dan tidak mempraktikkannya atau bersikap sambil lewa.

"Kebanyakkan golongan muda hanya memahami teori dan tidak mempraktikkan apa yang dipelajari.

"Mereka cuma mengharapkan 'orang surau' untuk menjalankan pengurusan jenazah tanpa mengambil tahu kepentingan dan hikmah pengurusan jenazah," katanya pada penganjuran Kursus Pengurusan Jenazah di sini baru-baru ini.



ROSIDI Hussain (kanan sekali) menyampaikan cek zakat PUZ Negeri Pulau Pinang kepada salah seorang asnaf di sini baru-baru ini.

## 43 asnaf terima zakat

**SYUKUR...** Seramai 43 orang asnaf menerima pengagihan wang zakat daripada Pusat Urus Zakat (PUZ) Negeri Pulau Pinang sekitar Penaga di sini baru-baru ini.

Majlis Bantuan Zakat kepada golongan asnaf tersebut disempurnakan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain dan Ahli Lembaga PUZ, Rahmah Mat Isa.

Rosidi yang juga merupakan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berkata, jumlah kutipan zakat meningkat daripada RM45 juta pada tahun 2011 kepada RM75 juta tahun lalu (2012).

"Peningkatan jumlah kutipan zakat adalah membabitkan beberapa faktor dan paling utama adalah keyakinan umat Islam terhadap sistem baharu diperkenalkan PUZ.

"Sistem pengagihan yang lebih telus membolehkan pelbagai golongan asnaf menerimanya dan tidak terhad kepada fakir serta miskin semata-mata," katanya pada Majlis Bantuan Zakat Kepada Golongan Asnaf di sini baru-baru ini.

Turut menyempurnakan majlis penyerahan cek zakat adalah Rahmah yang turut dijemput sebagai penceramah motivasi.

Tambah Rosidi, zakat merupakan salah satu medium terpenting dalam pembangunan ummah terutama dalam memastikan kelestarian hukum syarak diamalkan dengan tertib dan sempurna.

Dalam majlis yang sama, Rahmah turut memberi motivasi kepada penerima zakat agar tidak berputus asa dalam mencari rezeki Allah S.W.T di samping berusaha untuk memajukan diri dan keluarga.

# Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat

**MENCATAT sejarah menjadi negeri pertama di Malaysia yang menghapuskan masalah miskin tegar pada 2009 dan menjadi negeri pertama menghapuskan kemiskinan menjelang 2013 dengan menjaminkan pendapatan bulanan setiap keluarga sebanyak RM 770. Mana-mana keluarga yang kurang, Kerajaan Negeri akan tambah bayaran wang sehingga cukup RM770 tiap-tiap bulan.**

**Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang telah belanjakan RM100 juta dalam 5 tahun ini untuk menjalankan program-program kebajikan berikut :-**

## RM100 setiap tahun kepada :

- Warga Emas
- OKU
- PELAJAR EMAS (Tahun 1 & 4, Tingkatan 1 & 4)
- Ibu Tunggal



Bantuan Sekolah Agama Rakyat Setiap Tahun

| Program | Bentuk Bayaran (RM) |
|---|---|
| Bantuan bencana dalam tempoh 24 jam. | RM500 - RM5,000. |
| Lesen penjaja & nelayan. | diskaun 50% setahun. |
| Bantuan air kepada rumah ibadat. | rebat RM5 bagi bil penggunaan kurang RM50 ; rebat RM10 bagi bil mencecah RM50 ke atas. |
| Mikrokredit (PTSR). | maksimum RM8,000. |
| Pembinaan pusat dialisis CAT di Balik Pulau. | RM30 setiap rawatan yang paling rendah di Malaysia kepada golongan miskin. |

## *"One-off"*

**RM1,000**
**Urusan Jenazah**

**RM1,000**
**IPTA Emas**

**RM200**
**Anak Emas**







**Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat & Sihat**